

BULETIN MPSP 2011



*Keluaran Januari - April 2011
BIL 1/2011*

SIDANG REDAKSI

Penaung

Puan Maimunah Binti Mohd. Sharif
Yang DiPertua



Penasihat

Sr Tuan Haji Rozali Bin Haji Mohamud
Setiausaha Perbandaran

Ketua Editor

Encik Wan Junaidy Bin Yahaya

Editor

Puan Nor Azimah Binti Ismail
Tan Yen Ling

Jurugambar

Encik Sheikh Zakaria Bin Sheikh

Percetakan

Ahmad Airin Bin Adnan

KANDUNGAN

- ✓ Perutusan YDP
- ✓ Wawasan MPSP
- ✓ Perhimpuan Korporat Pada 11 Jan 2011
- ✓ Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Tahun 2011
- ✓ Majlis Perbandaran Seberang Perai Lantikan Tahun 2011
- ✓ Yellow Ride "Le Tour De Langkawi" (Peringkat Pertama) 15 Jan 2011
- ✓ Yellow Ride "Le Tour De Langkawi" (Peringkat Kedua) 15 Jan 2011
- ✓ Taklimat Berkenaan Kesan Radiasi Dari Struktur Telekomunikasi 22 Mac 2011
- ✓ Lawatan Panel Penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan 14 FEB 2011
- ✓ Taklimat Kepatuhan Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan 23 Mac 2011
- ✓ Taklimat Program Kitar Semula Di Kediaman Bertingkat Dalam Kawasan MPSP 26 Mac 2011
- ✓ Lawatan

PERUTUSAN YDP

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Syukur kehadrat Allah swt dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita sekali lagi menerbitkan Buletin MPSP keluaran Jan – April 2011. Bagi penggal pertama tahun 2011, saya mengharapkan kita akan mendapat semangat baru bagi menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan cekap dan berkesan.

Tanggungjawab Majlis terhadap rakyat semakin hari semakin berat. Namun MPSP, sebagai satu pasukan harus mengembangkan tenaga dalam usaha memuaskan hati rakyat. Kita harus pandai menangani masalah-masalah yang dihadapi dengan teratur dan bijaksana.

Sekian, terima kasih.

MAIMUNAH MOHD SHARIF

WAWASAN

VISI

**Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami,
bekerja serta menjadi tarikan pelaburan**

MISI

**Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan
pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan
responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai**

DASAR KUALITI


**MPSP komited untuk mempertingkatkan sistem pengurusan
kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang
kepada pelanggan**

PERHIMPUNAN KORPORAT PADA 11 JAN 2011

Perhimpunan Korporat MPSP diadakan bagi menyampaikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai bentuk pentadbiran yang dimahukan. Selain itu, peringatan kepada semua kakitangan mengenai mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pembayar cukai. Tuan yang DiPertua MPSP, Tuan Haji Mokhtar Bin Mohd Jait menasihati kakitangan agar bekerja dengan penuh dedikasi dan jujur. Setiap kakitangan perlu ada integriti diri bagi menjauhkan diri dari gejala-gejala yang tidak sihat.



MAJLIS PENUH - 31 JAN 2011



Sekitar Majlis Penuh 31 Jan 2011


MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS TAHUN 2011

Perlantikan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah bergantung kepada perkenan Kerajaan Negeri . Pada umumnya, perlantikan Ahli Majlis diperbaharui setiap setahun sekali. Pada 7 Jan 2011, Majlis Penerimaan jawatan Ahli Majlis MPSP telah diadakan dan MPSP telah menerima 11 orang Ahli Majlis yang baru dan mengekalkan 13 orang Ahli Majlis lama. Berikut disenaraikan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai Tahun 2011.



Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Lantikan Tahun 2011

Bil.	Nama	Catatan
1.	Encik Johari bin Kassim	Lantikan Semula
2.	Encik Ahmad Farid bin Md Arshad	Lantikan Semula
3.	Encik Amir bin Ghazali	Lantikan Semula
4.	Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam	Lantikan Semula
5.	Encik Oon Neow Aun	Lantikan Semula
6.	Encik Teoh Seang Hooi	Lantikan Semula
7.	Encik Soon Lip Chee	Lantikan Semula
8.	Encik Ramachandran a/l M.Muthiah	Lantikan Semula
9.	Puan Tan Cheai Peng	Lantikan Semula
10.	Encik Chandrasekeran a/l S.Maniam	Lantikan Semula
11.	Encik Loh Joo Huat	Lantikan Semula
12.	Encik Ong Koon Liak	Lantikan Semula
13.	Md Jamil bin Abd Rahman	Lantikan Semula
14.	Ahmad Kaswan bin Kasim	Lantikan Baru
15.	Encik Zulkiefly bin Saad	Lantikan Baru
16.	Encik Lim Tau Hoong	Lantikan Baru
17.	Dr. Tiun Ling Ta	Lantikan Baru
18.	Encik Lim Eng Nam	Lantikan Baru
19.	Encik Abdul Latif Abdullah	Lantikan Baru
20.	Encik Baktiar bin Appandi Yahya	Lantikan Baru
21.	Puan Sarina binti Hashim	Lantikan Baru
22.	Encik Mohamad Zainudin bin Othman	Lantikan Baru
23.	Encik Sim Chee Keong	Lantikan Baru
24.	Encik Visvanathan a/l Kumaran	Lantikan Baru



MPSP telah menerima 13 orang Ahli Majlis baru dan mengekalkan 11 orang Ahli Majlis yang lama



YELLOW RIDE “LE TOUR DE LANGKAWI” (PERINGKAT PERTAMA) 15 JAN 2011

Bagi mempromosikan Yellow Ride “Le Tour De Langkawi” semua ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri mengambil bahagian dalam membuat kayuhan basikal. Program ini telah diadakan di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth pada 15 Jan 2011 jam 8:00 pagi. Kayuhan basikal adalah bermula dari Dato' Hj. Ahmad Badawi, melalui Kampung Gajah, Raja Uda dan berpatah balik ke Butterworth. Tetamu VIP yang turut sama melancarkan program ini ialah Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Y.B. Dato' Razali Bin Hj. Ibrahim. Disamping itu, pelbagai acara diadakan seperti senamrobik, gerai jualan dan promosi dan lain-lain lagi.



YELLOW RIDE “LE TOUR DE LANGKAWI” (PERINGKAT KEDUA) 24 JAN 2011





TAKLIMAT BERKENAAN KESAN RADIASI DARI STRUKTUR TELEKOMUNIKASI 22 MAC 2011

Pada 22 Mac 2011 (Selasa), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama Jabatan Bangunan MPSP telah mengadakan Taklimat Berkenaan Radiasi dari Struktur Telekomunikasi bertempat di Hotel Sunway, Seberang Jaya. Tujuan taklimat ini adalah menerangkan kepada orang ramai berkenaan kesan radiasi dari struktur telekomunikasi dan juga bagi menjawab persoalan aduan berkenaan struktur telekomunikasi. Seramai 186 orang telah dijemput untuk menghadiri taklimat ini yang terdiri daripada wakil Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Exco, Adun Seberang Perai, pihak TELCO, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta pegawai-pegawai MPSP. Taklimat ini adalah selama lima (5) jam. Seramai tiga (3) orang penceramah dijemput untuk taklimat ini.

MAJLIS PENYERAHAN SERAH TUGAS YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 15 MAC 2011



MPSP mengadakan Majlis Penyerahan Serah Tugas Yang DiPertua MPSP oleh Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait kepada Puan Maimunah Mohd Sharif pada 15 Mac 2011 sebagai simbolik tugas sebagai Yang DiPertua MPSP akan diambil alih oleh Puan Maimunah Mohd Sharif selepas ini. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan ahli-ahli EXCO serta ADUN.

MAJLIS PERPISAHAN YANG DIPERTUA MPSP TN. HJ MOKHTAR B. MOHD JAIT

MPSP telah mengadakan Majlis Perpisahan Yang DiPertua MPSP – Tn. Hj Mokhtar B. Mohd Jait pada 15 Mac 2011 (Selasa) bertempat di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Butterworth. Majlis ini dihadiri oleh kakitangan MPSP, wakil-wakil persatuan MPSP, pihak media, pegawai-pegawai Kanan MPSP dan juga Ahli Majlis MPSP. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diteruskan dengan ucapan Tuan Setiausaha Perbandaran Ir Tn. Hj. Rozali bin Hj. Mohamud. Tuan Hj. Mokhtar B. Mohd Jait juga turut diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan perpisahan dan kata-kata nasihat. Majlis ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati kenang-kenangan oleh wakil-wakil Jabatan dan wakil-wakil Persatuan MPSP. Puspanita MPSP juga turut menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Puan Rohaya bt. Yaakob, Pengurus PUSPANITA MPSP.



Semua kakitangan menunggu Yang Dipertua MPSP untuk mendengar kata-kata terakhir Tuan Haji Mokhtar b.Mohd jait sebagai Yang Dipertua MPSP.



Hari Terakhir Tuan haji Mokhtar B.Mohd jait "Punch Out" di MPSP.




Tuan Setiausaha Perbandaran berjabat tangan dengan yang Dipertua MPSP



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN YANG DIPERTUA & SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP

17 MAC 2011


Majlis ini telah diadakan pada 17 Mac 2011 bertempat di Lobi, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda. Jemputan adalah terdiri daripada Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli-Ahli EXCO, ADUN dan seterusnya semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis bersejarah ini telah dimulakan dengan angkat sumpah oleh Puan Maimunah Mohd Shariff (Yang DiPertua) seterusnya diikuti oleh Sr. Tuan Haji Rozali bin Haji Mohamud (Setiausaha Perbandaran). Puan Maimunah Mohd Sharif telah mengukir sejarah sebagai wanita pertama yang menerajui MPSP.



PROGRAM KARNIVAL PERINGKAT DAERAH SPU TAHUN 2011

3 APRIL 2011

Program yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah SPU adalah program yang julung kali diadakan bertujuan untuk membudayakan pelbagai warisan yang semakin ditinggalkan disamping mengeratkan tali persaudaraan sesama peserta yang terlibat dalam pelbagai acara yang telah diatur. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dijemput untuk mengadakan pameran. Pameran yang telah dibuat adalah pameran berkenaan MPSP dan juga program LA21. Program ini telah disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan juga mendapat sambutan daripada orang ramai. Program ini telah diadakan pada 3 April 2011 (Ahad) bertempat di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah SPU.





LAWATAN MAYOR CITY OF FREMANTLE 25 MAC 2011



Pada 25 Mac 2011 (Jumaat) Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dikunjungi oleh Mayor – City of Fremantle iaitu Dr Brad Pettitt. Beliau telah disambut oleh Pengarah Kemasyarakatan bersama tiga (3) orang pegawai di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan dibawa berjumpa dengan Ketua Menteri Pulau Pinang dengan diiringi oleh Yang DiPertua MPSP, Pn. Maimunah Mohd Sharif. Pertemuan ini telah diadakan di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang di KOMTAR. Pada sebelah petangnya, Dr. Brad Pettitt telah dibawa ke MPSP berjumpa dengan Yang DiPertua, Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua jabatan MPSP dan Ketua WIP Ahli MPSP. Beberapa perbincangan telah diadakan disamping bertukar-tukar pandangan mengenai pentadbiran di MPSP dan Fremantle City. Disamping itu, MPSP telah menjemput para wartawan bagi mengadakan sidang akhbar mengenai kunjungan Mayor – City of Fremantle. Beliau telah dibawa melawat ke beberapa tempat bersejarah di Seberang Perai. Pada sebelah malamnya, MPSP telah mengadakan jamuan makan malam untuk Dr Brad Pettitt bersama Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang DiPertua, Setiausaha Perbandaran, Ketua WIP Ahli Majlis MPSP dan beberapa orang pegawai MPSP di Restoran Pen Mutiara, Taman Selat, Butterworth.

Lawatan Mayor - City of Fremantle 25 MAC 2011



LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN – 14 FEBRUARI 2011



Lawatan Sambil Belajar Dari Majlis Perbandaran Sepang - 11 Feb 2011



Lawatan Kerja Majlis Daerah Tanjung Malim - 1 Mac 2011



Lawatan Teknik Majlis Perbandaran Pulau Pinang - 8 Mac 2011



Lawatan SSM - 10 Mac 2011



Lawatan UiTM Merbok Kedah - 11 Mac 2011



Lawatan Kerja Perbandaran Putrajaya - 17 Mac 2011



Lawatan Sambil Belajar Dari UiTM Merbok - 1 April 2011



Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuantan - 29 April 2011



LAWATAN KE DALAM MPSP

TARIKH	LAWATAN
18/01/2011	<p>LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN 2010 Lawatan dari Panel penilai Anugerah Inovasi.Pengurusan Kewangan 2010 seramai 12 orang.Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah antara empat Pihak Berkuasa tempatan yang terpilih sebagai calon akhir untuk anugerah ini.</p>
01/03/2011	<p>LAWATAN KERAJA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM Mempelajari Transformasi di MPSP.</p>
08/03/2011	<p>LAWATAN TEKNIK MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI Mempelajari Sistem Jabatan Kemasyarakatan.</p>
10/03/2011	<p>LAWATAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA Mempelajari Integrated Accounting & Budgeting System.</p>
11/03/2011	<p>LAWATAN UiTM MERBOK KEDAH Pengurusan Kewangan Dan Cabarannya</p>
17/03/2011	<p>LAWATAN KERJA PERBANDARAN PUTRAJAYA Mempelajari Keberkesanan Sistem Pemprosesan Pelan-pelan Pemajuan & Aktiviti-aktiviti Pengukuhan.</p>
25/03/2011	<p>LAWATAN MAYOR-CITY OF FREMANTLE Lawatan ke MPSP.</p>

**MAJLIS PENGHARGAAN PESARA TAHUN 2010
&
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
19 APRIL 2011**

Seramai 132 kakitangan dari semua jabatan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diberi pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010. Dalam masa yang sama, majlis ini juga turut meraikan 87 orang pesara yang terdiri daripada pesara wajib, pesara pilihan serta wakil bagi kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Penganugerahan ini adalah pengiktirafan Majlis Perbandaran Seberang Perai terhadap prestasi cemerlang yang telah dipamerkan oleh kakitangan semua sepanjang tahun di dalam perkhidmatan. Yang DiPertua MPSP telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga para pesara. Sesungguhnya kejayaan yang telah dikecapi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah hasil kerja keras secara kolektif dan berpasukan yang telah ditunjukkan oleh semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai.



MAJLIS PELANCARAN PASUKAN PEGAWAI LALULINTAS MPSP 21 APRIL 2011

Majlis Pelancaran Pasukan Pegawai Lalulintas MPSP telah diadakan di Ibu Pejabat, MPSP pada 21 April 2011. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang Dalam usaha untuk membantu mengurangkan kesesakan lalulintas, MPSP telah mewujudkan Pasukan Pengawal Lalulintas yang terdiri daripada 20 orang anggota yang akan membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di Seberang Perai. Pasukan ini adalah gabungan, yang terdiri daripada 10 anggota polis bantuan dan 10 anggota pengawal keselamatan. Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP ini dapat dikenali melalui pakaian seragam yang dipakai. Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP ini akan mengawal lalulintas di kawasan "Park and Ride", kawasan-kawasan letak kereta MPSP yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di pasar-pasar awam, kompleks awam MPSP, pasar malam, kawasan tumpuan meletak kenderaan dan juga di lokasi-lokasi yang terdapat majlis-majlis tertentu bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas.



MAJLIS PERASMIAN SUKAN SUKTU 2011

21 APRIL 2011

Majlis Perbandaran Seberang Perai pada kali ini telah menjadi tuan rumah untuk Pesta Sukan Kerajaan Tempatan Zon Utara (SUKTU). Majlis perasmian Sukan Suktu 2011 Kali Ke-2 telah diadakan pada 21 April 2011 bertempat di Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas. Sukan ini telah berlangsung selama 3 hari iaitu dari 22 April – 24 April 2011. Majlis ini telah dihadiri oleh wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Utara iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Kangar, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Bandaraya Ipoh. Seramai 635 ahli sukan telah mengambil bahagian dalam temasya sukan ini. Sebanyak 10 acara sukan dipertandingkan dalam temasya sukan ini. Antaranya ialah sukan golf, bola sepak, futsal, badminton, ping-pong, karom, dart, bola jaring, sepak takraw dan bola tampar.





Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam
Tel: 04-5497555 | Faks: 04-5389700
E-mel: webmaster@mpsp.gov.my